



Dr. Mahathir

Untuk memahami  
Dr. Mahathir

# Rakyat mesti diberi peluang baca The Malay Dilemma

UM - 1 JUN 1976

Oleh Adam A. Kadir

**DR** Mahathir merupakan satu-satunya Timbalan Perdana Menteri yang banyak dan luas diperkatakan sejak Malaysia mengenali institusi jawatan itu.

Perlantikan beliau juga mengambil satu jangka waktu yang panjang yang mungkin mencerminkan satu proses membuat keputusan yang cermat, detail dan harus juga paling seru di pihak Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn.

Walaupun tidak diperkatakan secara terbuka, Dr. Mahathir sebagai Timbalan Perdana Menteri mendapat reaksi yang berbagai corak. Ini tidaklah menghairankan kerana beliau pernah disingkirkan dari UMNO oleh bekas Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman berikutan pilihanraya 1969 dan diberi label 'ultra' — yang bererti pelampau. Peristiwa 13 Mei dan implikasi tragedi itu mencetuskan penyingkiran tersebut.

Buku Dr. Mahathir yang berjudul *The Malay Dilemma* lantas diharamkan. Dengan itu sangkaan umum menyebarkan pemikiran dalam buku itu dengan label yang dikenakan kepada Dr. Mahathir. Itulah sebabnya mendung yang menyelubungi Timbalan Perdana Menteri yang mengandungi label itu masih terus ada, sama ada kita bersedia mengakuinya ataupun tidak.

Penulis telah membaca dua interviu penting yang dibuat oleh majalah "Malaysian Business" dan akhbar "Sin Chew Jit Poh" dengan Dr. Mahathir. Satu lagi interviu dengan beliau dilakukan menerusi rancangan "30 minit" terbitan RTM.

Sebagaimana pengakuan yang sering dibuat oleh Timbalan PM kita itu, beliau adalah seorang yang berterus terang, tidak teragak-agak mengeluarkan pendapatnya, yang juga pegangannya.

Nyata sekali perkara yang paling timbul daripada interviu-interviu itu ialah persoalan mengenai aliran pergangan dan sikap Dr. Mahathir sebagaimana yang dicerminkan dalam *The Malay Dilemma*. Penulis percaya ramai di antara kita tidak pernah menengok — apa lagi membaca — buku itu. Tajuk buku itu berbunyi begitu positif.

Dalam satu masyarakat berbilang kaum seperti di negara ini, tajuk begitu sudah cukup untuk polarisasikan anggapan orang bukan Melayu bahawa buku itu terlalu bersikap mahu membela orang Melayu.

Tetapi polarisasi itu bukanlah berasaskan kepada fakta-fakta yang didapati secara langsung dari buku itu, malah dari interpretasi dan khabar angin yang "second hand".

Oleh itu, kenapa *The Malay Dilemma* masih diteruskan pengharamannya? Dari ukuran mana sekali pun, pengharaman buku itu bukanlah suatu yang logik pada masa ini kerana pengarangnya memegang tampuk kedua pemerintahan negara.

Bukanlah berterusannya pengharaman buku itu bererti mengekalkan tanda tanya dan implikasi was-was terhadap sikap dan integriti seorang Timbalan PM?

Membatalkan pengharaman terhadap *The Malay Dilemma* adalah satu langkah yang paling sihat pada waktu ini kerana dengan langkah ini

masyarakat umum terdiri dari berbilang kaum ini dapat membaca dengan terperinci apa sebenarnya pendapat dan sikap Dr. Mahathir.

Dalam proses membuat keputusan, baik di peringkat negara atau di peringkat kompeni-kompeni besar, mahu pun proses computer, penerangan-penerangan dan fakta-fakta memainkan peranan paling penting.

Salah penerangan dan salah fakta akan menghasilkan keputusan yang salah. Begitu jugalah proses pemikiran manusia apabila mahu membuat keputusan dalam detik-detik hidupnya tiap-tiap hari, dan jumlah semua keputusan itu akan menentukan sikap hidupnya.

Dalam hubungan ini sikap yang sejati yang timbul dari penerangan yang betul mengenai buku *The Malay Dilemma* tidak akan didapati selagi buku itu tidak sampai ke tangan masyarakat umum.

Timbalan PM telah berkali-kali menegaskan bahawa idea-idea dalam buku itu sudah menjadi kenyataan sekarang, sebagaimana yang terjelma dalam Dasar Ekonomi Baru dan dilaksanakan menerusi Rancangan Malaysia Kedua dan RM Ke 3 nanti.

Beliau juga mengatakan bahawa masalah orang Melayu adalah masalah nasional, dan bukan masalah satu kaum saja. Semuanya ini, menurut beliau, terkandung dalam buku itu.

Institusi Timbalan PM bukanlah institusi kaum Melayu. Ia adalah institusi negara. Soal dan implikasinya adalah soal dan implikasi negara.

Maka perlulah sebuah manifestasi seperti buku *The Malay Dilemma* dibaca oleh orang ramai supaya pengarangnya — Timbalan PM Malaysia — benar-benar difahami oleh rakyat yang berbilang kaum. Barulah keputusan, anggapan dan sikap mereka benar-benar berasaskan penerangan dan fakta yang jitu.